



- 1. MERINYU UBAT PELATIH / TERLATIH**
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.5 EB.6 [\$1,270 - \$1,850 SEBULAN] ATAU
M.8 EB.9 [\$1,485 - \$2,315 SEBULAN]
KEKOSONGAN = 1

KELAYAKAN MINIMUM:

MERINYU UBAT PELATIH [M.5 EB.6]

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Sains.
- b) 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding termasuk mata pelajaran Matematik atau Sains serta lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik atau Sains diperingkat ini.

MERINYU UBAT TERLATIH [M.8 EB.9]

1. a) Mempunyai Sijil Tukang Ubat Terlatih atau kelulusan sebanding.
- b) Telah berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 atau sebanding tidak kurang 7 tahun.

ATAU

2. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 atau sebanding tidak kurang 8 tahun.
3. Mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengenai Akta Racun. Peraturan Penyalahgunaan Dadah dan Akta-Akta yang berkaitan dengan pengawalan ubat-ubatan adalah kelebihan.



4. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Boleh bertutur dan menulis dalam bahasa lain adalah kelebihan.

LAIN-LAIN SYARAT BAGI MERINYU UBAT PELATIH [M.5 EB.6]

1. Calon-calon yang Berjaya dilantik dikehendaki berkhidmat di Perkhidmatan Farmasi dalam tempoh percubaan selama 2 tahun hingga 8 bulan. Kemudian akan dihantar di dalam negeri atau keluar negeri bagi memperolehi Sijil Tukang Ubat Terlatih.
2. Bersedia mengikuti latihan-latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dengan perkembangan di bidang farmasi dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MERINYU UBAT PELATIH/TERLATIH:

1. Calon ini akan ditempatkan bertugas di Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Jabatan Perkhidmatan Farmasi.
2. Calon-calon akan menjalankan tugas di Bahagian Penguatkuasaan Farmasi. Kegiatan-kegiatan yang dipertanggungjawabkan adalah seperti berikut:
 - a) Menjalankan pemeriksaan di Kastam Lapangan Terbang, di Pejabat Pos dan Pelabuhan dalam mempastikan kemasukan ubat-ubatan dan bahan kimia ke Negara Brunei Darussalam adalah yang telah disahkan penggunaannya.
 - b) Menjalankan pemeriksaan di kedai-kedai ubat, pemborong / pembekal ubat dan bahan kimia termasuk kimia yang digunakan oleh pihak pertanian, industri dan ubatan-ubatan veterinar.
 - c) Memeriksa dan mengambil contoh ubat dari mana-mana pihak yang berkenaan bagi pemeriksaan lanjut.
 - d) Memeriksa tempat penyimpanan ubat di klinik-klinik perubatan swasta dan kerajaan seperti yang diarahkan.
 - e) Menjalankan pemeriksaan keatas kedai-kedai yang diketahui atau di syaki menjual bahan ubat atau kimia bagi memastikan penjualan rancun-rancun hanya dibuat oleh pemegang-pemegang lesen racun yang sah sahaja.



- f) Memastikan bahawa ubat-ubatan yang dijual di negara ini telah disahkan kemasukannya oleh bahagian ini.
- 3. Bersedia untuk menerima arahan serta bertanggungjawab terus kepada Ahli Kimia Ubat di semua peringkat di Penguatkuasaan Farmasi.
- 4. Bersedia bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar bekerja dan Hari Kelepasan Awam dan dimana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.